

NILAI EKOSISTEM MARIN KITA

LEMBARAN FAKTA



Laut kita menyediakan pelbagai “**khidmat ekosistem**” dan masyarakat kita bergantung kepadanya. Laut membekalkan **makanan** dari sumber perikanan; memacu industri **eko-pelancongan**; dan memberi **perlindungan kepada persisiran pantai**, mengatur iklim serta mengitar semula nutrien.

Walaupun ekosistem marin memberi banyak manfaat kepada masyarakat kita, ia mengalami banyak **kemusnahan** akibat aktiviti manusia.

Kesihatan lautan adalah kritikal kepada manusia dan alam semulajadi, dan kita bakal kehilangan khidmat yang amat bernilai jika kita tidak menjaganya dengan lebih baik. Polisi lautan harus dipandu oleh sains - **Seruan Tindakan** mengenal pasti penyelesaian yang boleh membantu melindungi lautan dan ekosistemnya yang bernilai.



EKOSISTEM MARIN MALAYSIA YANG TIDAK TERNILAI

TERUMBU KARANG, PAYA
BAKAU,
RUMPUT LAUT

SALAH SATU DARIPADA 12
NEGARA DI DUNIA DENGAN
KEPELBAGAIAN BIOLOGI
TERTINGGI

HABITAT KEPADA 612
SPESIS KARANG KERAS

DIANGGARKAN BERNILAI
LEBIH KURANG RM3.6
BILLION

MENYUMBANG 23%
TERHADAP JUMLAH GDP
MALAYSIA PADA TAHUN
2015

Apakah faedah lautan kepada kita?

Antara khidmat ekosistem yang disediakan lautan kita adalah:



OKSIGEN

menghasilkan 50% daripada oksigen yang kita perlukan



MAKANAN

untuk jutaan penduduk di persisiran pantai



SINKI KARBON

menyerap satu pertiga CO2 dunia



PERLINDUNGAN

daripada hakisan ombak dan banjir



PENDAPATAN

menyokong pendapatan isi rumah dari perikanan dan pelancongan



HABITAT

bagi 33% spesies ikan

TAPAK PERLINDUNGAN DAN PEMBIAKAN

untuk 25% spesies marin



Kita bakal kehilangan semua faedah dari ekosistem marin jika keadaan mereka terus merosot.

Apa yang sedang berlaku?


Antara punca utama kemerosotan mereka adalah:

PENCEMARAN



dari industri, pertanian dan manusia

IMPAK FIZIKAL



dari tebus guna tanah, infrastruktur dan pembangunan lain, serta aktiviti pelancongan

PERUBAHAN IKLIM



yang mengakibatkan ribut yang lebih teruk, kenaikan paras laut serta pemanasan dan asidifikasi laut

Apakah jalan penyelesaian?

Terdapat beberapa langkah yang boleh kita ambil untuk mengurangkan ancaman tersebut:

01

WUJUDKAN LEBIH BANYAK KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN (MPA):

MPA ialah kaedah yang digunakan secara meluas untuk mengurangkan kesan kepada ekosistem marin. Para saintis bersetuju bahawa kita perlu melindungi 30% daripada lautan untuk memastikan kesihatannya pada masa hadapan.

02

MENGURUS MPA SECARA HOLISTIK

wujudkan rangkaian MPA yang menghubungkan pelbagai ekosistem marin dan melindungi laluan penghubung ini.

03

WUJUDKAN EKOSISTEM MARIN YANG MAMPU BERTAHAN KE MASA HADAPAN

Mengurangkan impak tempatan ke atas ekosistem marin dari pelancongan dan aktiviti marin lain, bagi membina daya tahan terhadap sebarang ancaman masa hadapan serta menguatkan kebolehannya untuk terus memberi khidmat ekosistem.

04

LIBATKAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PENGURUSAN

Kajian menyokong penglibatan pihak berkepentingan tempatan dalam pengurusan sumber marin, kerana ia memupuk dan meningkatkan pematuhan terhadap peraturan

05

MEMPERKENALKAN PROGRAM ADAPTASI DAN MITIGASI TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

Pelbagai impak antropogenik telah merosakkan ekosistem marin; menangani isu ini boleh membantu mengurangkan impak perubahan iklim dan membantu komuniti menyesuaikan diri kepada perubahan yang bakal berlaku.

TAMAN LAUT MALAYSIA

MELIPUTI KIRA-KIRA 5% PERAIRAN MARITIM MALAYSIA

42 PULAU SEMENANJUNG MALAYSIA DI JOHOR, PAHANG, TERENGGANU DAN KEDAH

6 TAMAN LAUT DI SABAH

8 TAMAN LAUT DI SARAWAK, TERMASUK YANG TERBESAR DI MALAYSIA, LUCONIA SHOALS






Seruan untuk bertindak ("Call to Action")

Kita perlu beralih daripada menguruskan Taman Laut secara individu kepada mengurus semua sumber marin (paya bakau, rumput laut and terumbu karang) secara holistik.

Pengurusan haruslah pada peringkat seascape?, mengintegrasikan zon larangan, laluan penghubung serta perikanan dan aktiviti maritim lain.

Ini memerlukan pendekatan baru kepada pengurusan sumber marin, di mana keputusan dibuat secara kerjasama oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti dari Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan masyarakat tempatan.



Malaysia mengiktiraf beberapa kewajipan nasional dan antarabangsa mengenai perlindungan ekosistem marin:

- The National Policy on Biological Diversity
- The Coral Triangle Initiative
- The Convention on Biological Diversity
- The UN Sustainable Development Goals

Secara kolektif, ini menyediakan sasaran dan rangka kerja untuk tindakan meningkatkan perlindungan sumber marin.

Apakah gambaran kejayaan?

Jika kita ingin berjaya dalam usaha memperkukuh pengurusan sumber marin di Malaysia, langkah-langkah berikut boleh dipertimbangkan:

Penubuhan badan yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan untuk mengurus kawasan terlindung secara menyeluruh

Ini termasuk Taman Laut, DoF, KeTSA, KASA, EXCO Negeri, MMEA, Pejabat Daerah, komuniti tempatan dan perniagaan pelancongan.

Memperkenalkan undang-undang baru yang memeruntukkan pengurusan Taman Laut.

Ini boleh termasuk akta Taman Laut khusus untuk mentakrifkan MPA dan keperluan pengurusan dengan lebih baik

Membangunkan instrumen dasar yang mengutamakan perlindungan ekosistem lautan

Satu dasar untuk mengurus lautan dan semua ekosistem marin dan pihak berkepentingan secara holistik.

RUJUKAN: Lim A. G., Izarenah Md. Repin. n.d. Total Economic Value of Marine Biodiversity: Malaysia Marine Parks. Jabatan Taman Laut Malaysia
Cheryl Rita Kaur; 2018; State of Oceans and Coasts: Malaysia.; Centre for Coastal and Marine Environment Maritime Institute of Malaysia (MIMA)